

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Pengajian Undang-Undang
Sent: Monday, 6 March, 2017 9:56 AM
To: UUM - All Staff
Cc: Haslida Binti Ismail
Subject: Detik permulaan jalinan kerjasama antara UUM dan Kerajaan Malaysia



PUSAT PENGAJIAN UNDANG-UNDANG
SCHOOL OF LAW
Universiti Utara Malaysia

06 MAC 2017 / 07 JAMADILAKHIR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan



SoL Online: Kunjungan oleh Yang Arif Dato' Hashim Bin Hamzah, Hakim, Mahkamah Tinggi Alor Setar dan Puan Rozi Bainon, Pengarah, Bahagian Dasar dan Perundangan bersama delegasi Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) ke Pusat Pengajian Undang-undang (SoL) pada 1 Mac 2017 merupakan sesuatu yang amat bermakna bagi pihak UUM. Kunjungan mereka merupakan detik permulaan jalinan kerjasama antara UUM dan Kerajaan Malaysia. Kehadiran mereka disambut mesra oleh Yang Berusaha Tuan Dekan, Dr. Zainal Amin Ayub, para penjawat dan pensyarah SoL di Anjung Tamu, UUM.

Selesai taklimat di Anjung Tamu, delegasi dibawa ke Pejabat TNC (A&A) bagi mengadakan kunjungan hormat bertemu dengan Yang Berusaha Dr. Hassan Ali, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Universiti Utara Malaysia.

Seterusnya, delegasi dibawa ke SoL untuk sesi mesyuarat antara SoL dan PKPMP. Sesi perbincangan kerjasama antara UUM dan PKPMP berjalan dengan lancar dan

kedua-dua pihak bersetuju dengan terma yang diusulkan sebelum mementerai memorandum persefahaman (MoU). Idea mengadakan kerjasama ini telah diilhamkan oleh Yang Arif Dato Hashim Bin Hamzah sendiri. Harapan Yang Arif Dato' agar kedua-dua pihak mendapat faedah daripada kerjasama ini dan memorandum persefahaman (MoU) ini akan diadakan secepat mungkin pada tahun ini.

Sebelum pihak delegasi PKPMP berangkat pulang, mereka telah dibawa melawat mahkamah mut, Pusat Pengajian Undang-undang dan mereka sangat teruja dengan mahkamah mut UUM yang susun aturnya sama seperti suasana sebenar mahkamah. Pihak Pengurusan Pusat Pengajian Undang-undang merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat bagi menjayakan sesi perbincangan MoU antara UUM dan Mahkamah Negeri Kedah dan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP).

Tamat.

Pejabat Dekan (Dean Office)

Pusat Pengajian Undang-Undang (School of Law)

UUM College of Law, Government & International Studies (UUM COLGIS)

Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia

Tel : 04-9288101 | Faks: 04-9288107 | Email : sol@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.